



28 Januari 2025
28 January 2025
P.U. (A) 48

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) (TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID DARIPADA PRODUK BERASASKAN PANEL) 2025

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) (FORMALDEHYDE EMISSION LEVEL FROM PANEL BASED PRODUCT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1973

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(PEMERBADANAN) (TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID DARIPADA PRODUK
BERASASKAN PANEL) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 34(2)(f) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [*Akta 105*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Tahap Pembebasan Formaldehid daripada Produk Berasaskan Panel) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Februari 2026.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“formaldehid” ertinya gas beracun, tidak berwarna dan berbau sengit dan digunakan sebagai pengawet dalam sintesis kimia dan dalam pembuatan resin sintetik;

“pengangkutan” ertinya pengangkutan produk berasaskan panel dari Negeri Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia atau ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui darat, laut atau udara;

“pengeluar” ertinya seseorang yang mengeluarkan atau mengilang dan menjalankan aktiviti sebagai pedagang bagi produk berasaskan panel bagi maksud pasaran dalam negeri;

“pengangkut” ertinya seseorang yang mengangkut produk berasaskan panel dari Negeri Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia atau ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui darat, laut atau udara;

“produk berasaskan panel” ertinya produk panel yang diperbuat daripada kayu atau bahan lignoselulosa lain dalam bentuk sama ada venir, serpai, partikel, kepingan atau gentian yang diproses menggunakan perekat sintetik sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

Kewajipan untuk mematuhi tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel

3. Mana-mana pengeluar, pengimport dan pengangkut hendaklah mematuhi tahap pembebasan formaldehid sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua.

Pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel

4. Bagi maksud peraturan 3, pengeluar, pengimport dan pengangkut hendaklah—

- (a) menjalankan pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel mengikut standard yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;
- (b) memastikan pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel dijalankan di makmal yang telah memperoleh akreditasi daripada badan akreditasi kebangsaan yang merupakan ahli kepada *Asia Pacific Accreditation Cooperation* (APAC) atau *International Laboratory Accreditation Cooperation* (ILAC); dan
- (c) memastikan laporan pengujian tahap pembebasan formaldehid diperoleh setelah pengujian itu dijalankan atas produk berasaskan panel.

Kewajipan untuk mengemukakan laporan pengujian tahap pembebasan formaldehid daripada produk berasaskan panel

5. Laporan pengujian tahap pembebasan formaldehid yang dinyatakan di bawah perenggan 4(c) hendaklah dikemukakan kepada Lembaga oleh—

- (a) pengeluar mengikut tatacara yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) pengimport bagi permohonan suatu permit import; atau
- (c) pengangkut bagi pengesahan borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga bagi maksud pengangkutan.

Penalti

6. Mana-mana pengeluar, pengimport atau pengangkut yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

PRODUK BERASASKAN PANEL

Produk berasaskan panel	Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengkodan Komoditi
Papan Partikel/Papan Serpai	44.10
Papan Gentian	44.11
Papan Lapis	44.12

JADUAL KEDUA
[Peraturan 3 dan 4]

TAHAP PEMBEBASAN FORMALDEHID YANG DIBENARKAN MENGIKUT
KAEDAH DAN STANDARD YANG DITETAPKAN

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Tahap Pembebasan Formaldehid yang Dibenarkan	Kaedah Pengujian Tahap Pembebasan Formaldehid	Standard Kaedah Pengujian Tahap Pembebasan Formaldehid	Standard Spesifikasi	Standard Nilai Tahap Pembebasan Formaldehid
F** atau F*** atau F****	<i>Dessicator</i>	MS 1787-Part 15, ISO 12460-4	Papan Lapis: MS 228	MS 2750: 2021
E1 atau E0 atau SE0	<i>Perforator</i>	MS 1787-Part 14, ISO 12460-5	Papan Gentian: MS 1912	
E1 atau E0 atau SE0	<i>Chamber</i>	ISO 12460-1	Papan Partikel/ Papan Serpai: MS 1036	
E1 atau E0 atau SE0	<i>Gas Analysis</i>	ISO 12460-3		

Dibuat 18 Januari 2025
[MPIC.KTK(S) 600-1/1/2 Jld. 3 (25); PN(PU2)129/JLD.12]

DATUK LARRY SNG WEI SHIEN
Pengerusi
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Diluluskan 28 Januari 2025
[MPIC.KTK(S) 600-1/1/2 Jld. 3 (25); PN(PU2)129/JLD.12]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Perladangan dan Komoditi

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) ACT 1973

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD (INCORPORATION) (FORMALDEHYDE
EMISSION LEVEL FROM PANEL BASED PRODUCT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 34(2)(f) of the Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) Act 1973 [*Act 105*], the Board, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysian Timber Industry Board (Incorporation) (Formaldehyde Emission Level from Panel Based Product) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 2 February 2026.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“formaldehyde” means a poisonous, colourless and intense smelling gas and is used as a preservative in chemical synthesis and in the making of synthetic resins;

“transportation” means transportation of panel based product from the States of Sabah or Sarawak to Peninsular Malaysia or to the Federal Territory of Labuan by land, sea or air;

“manufacturer” means a person who produces or manufactures and carries out an activity as a trader of panel based product for the purposes of domestic market;

“transporter” means a person who transport panel based product from the States of Sabah or Sarawak to Peninsular Malaysia or to the Federal Territory of Labuan by land, sea or air;

“panel based product” means panel products made of timber or other lignocellulose material in the form of veneers, flakes, particles, pieces or fibers processed using synthetic adhesives as listed in the First Schedule.

Duty to comply with formaldehyde emission level from panel based product

3. Any manufacturer, importer and transporter shall comply with the formaldehyde emission level as specified in the first column of the Second Schedule.

Testing of formaldehyde emission level from panel based product

4. For the purposes of regulation 3, the manufacturer, importer and transporter shall—

- (a)* carry out formaldehyde emission level test from panel based product in accordance with standards as specified in the Second Schedule;
- (b)* ensure the testing of formaldehyde emission level from panel based product is carried out in the laboratories that have obtained accreditation from the national accreditation body that is a member of the Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) or International Laboratory Accreditation Cooperation (ILAC); and
- (c)* ensure a test report on the formaldehyde emission level is obtained after the test is carried out on the panel based product.

Duty to submit formaldehyde emission level from panel based product test report

5. The test report on the formaldehyde emission level specified under paragraph 4(c) shall be submitted to the Board by—

- (a)* the manufacturer in accordance with the procedure determined by the Board;
- (b)* the importer for the application of an import license; or

- (c) the transporter for the verification form as determined by the Board for the purposes of transportation.

Penalty

6. Any manufacturer, importer or transporter who contravenes any provision of these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 2]

PANEL BASED PRODUCT

Panel based product	Harmonized Commodity Description and Coding System
Particle Board/Chipboard	44.10
Fibreboard	44.11
Plywood	44.12

SECOND SCHEDULE
[Regulations 3 and 4]

FORMALDEHYDE EMISSION LEVEL PERMITTED IN ACCORDANCE WITH
PRESCRIBED METHODS AND STANDARDS

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Permitted Formaldehyde Emission Level	Formaldehyde Emission Level Test Method	Standard Test Method Formaldehyde Emission Level	Standard Specifications	Standard Value Formaldehyde Emission Level
F** or F*** or F****	Dessicator	MS 1787-Part 15, ISO 12460-4	Plywood: MS 228	MS 2750: 2021
E1 or E0 or SE0	Perforator	MS 1787-Part 14, ISO 12460-5	Fibreboard: MS 1912	
E1 or E0 or SE0	Chamber	ISO 12460-1	Particle Board/ Chipboard:	
E1 or E0 or SE0	Gas Analysis	ISO 12460-3	MS 1036	

Made 18 January 2025
[MPIC.KTK(S) 600-1/1/2 Jld. 3 (25); PN(PU2)129/JLD.12]

DATUK LARRY SNG WEI SHIEN
Chairman
Malaysian Timber Industry Board

Approved 28 January 2025
[MPIC.KTK(S) 600-1/1/2 Jld. 3 (25); PN(PU2)129/JLD.12]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Minister of Plantation and Commodities